

25 JUN 1999

Lim-Kesatuan

ANGGOTA LIMA AGENSI DIMINTA TIDAK TERUSKAN PIKET

SEREMBAN, 25 Jun (Bernama) -- Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata beliau akan mengkaji sebab kelewatan pelaksanaan pelarasan gaji kakitangan lima agensi kerajaan yang diumumkan 4 Jun lepas.

"Kelewatan itu tidak sepatutnya berlaku kerana ia tidak melibatkan kewangan kerajaan tetapi dibiayai sendiri oleh kelima-lima agensi kerajaan itu," katanya kepada pemberita hari ini selepas menyampaikan biasiswa kepada 198 orang pelajar Kolej INTI di Bandar Baru Nilai, dekat sini.

Beliau mengulas dakwaan kakitangan kelima-lima agensi terlibat yang akan berpiket jika pelaksanaan pelarasan gaji anggota mereka tidak disegerakan.

Pada 4 Jun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan gaji antara RM150 dan RM200 bagi 10,892 kakitangan lima badan berkanun yang diasingkan daripada Sistem Saraan Baru (SSB) berkuatkuasa 1 Jan 1995.

Dr Mahathir berkata kenaikan itu melibatkan tambahan RM200 sebulan kepada anggota kumpulan eksekutif dan RM150 kepada anggota bukan eksekutif. Ia melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM92.4 juta.

Kesatuan kakitangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengemukakan tuntutan gaji pada 1996 ekoran kelulusan pelarasan gaji bagi kakitangan yang tertakluk dengan SSB pada April tahun berkenaan. Pelarasan itu juga berkuatkuasa 1 Jan 1995.

Awal bulan lepas kesatuan sekerja kelima-lima agensi itu meluluskan usul mengadakan piket secara aman jika tuntutan mereka tidak diselesaikan oleh kerajaan sebelum 7 Jun lepas.

Lim meminta wakil kesatuan sekerja kelima-lima agensi kerajaan itu supaya berjumpa dengan beliau dan mengingatkan mereka bahawa yang penting ialah kerajaan telah membuat keputusan untuk meluluskan pelarasan gaji mereka dan sepatutnya mereka berterima kasih kepada kerajaan.

Menurutnya, mungkin terdapat sebab-sebab tertentu mengenai kelewatan itu dan ia bukan disengajakan.

"Oleh itu berpiket bukan jalan penyelesaiannya kerana mereka boleh berjumpa saya untuk menyelesaikan apa juga masalah," katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis berkenaan, Lim berkata kerajaan akan menubuhkan Tabung Pinjaman Latihan Perindustrian dengan dana permulaan RM500 juta yang akan diuruskan oleh sebuah perbadanan di bawah kementerian itu.

Pada peringkat permulaan, hanya pelatih di institusi latihan kemahiran awam akan mendapat faedah daripada tabung itu manakala pelatih di pusat-pusat pembangunan kemahiran negeri (SSDC) dan institusi latihan swasta dicadangkan mulai Januari 2001.

Pelatih yang layak akan diberi pinjaman menampung kos yuran pengajian tertakluk kepada amaun maksimum sebanyak RM3,000 setahun bagi pelatih di institusi awam dan RM7,000 setahun bagi pelatih di institusi latihan kemahiran swasta dan SSDC.

"Pelatih juga akan diberi pinjaman untuk menampung kos sara hidup sebanyak RM4,800 setahun dan kos pembelian buku sebanyak RM500 setahun," kata Lim.

Mengikut unjuran Kementerian Sumber Manusia, kira-kira 132,000 orang belia akan mendapat faedah daripada tabung itu menjelang tahun 2005.

-- BERNAMA
RP RON